



Kepada : Semua Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 7 Februari 2020

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2020**

**MAKLUMAN KEMUDAHAN RAWATAN PERUBATAN BAGI PEGAWAI/PESARA
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN PIHAK
BERKUASA BERKANUN DI FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(KKM)**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Mesyuarat Pengurusan LGM Bil.1/2020 mengambil maklum mengenai surat edaran Kementerian Kesihatan Malaysia Ruj. KKM.400-8/1/89 Jld 10 (56) berkenaan maklumat kemudahan rawatan bagi Pegawai, Pengkhidmat dan Pesara Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Berkanun di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

3. Dimaklumkan, Pegawai, Pengkhidmat dan Pesara Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Berkanun yang hadir ke Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar di Jabatan Pesakit Luar Am/Pakar, bagi bil rawatan yang berjumlah RM51.00 ke bawah termasuklah bayaran caj lawatan RM1.00/ RM5.00 yang mana berkaitan, mekanisme bayaran adalah secara "*pay and claim*". Pegawai, Pengkhidmat dan Pesara berkenaan perlu membayar secara tunai terlebih dahulu dan membuat tuntutan bayaran kepada majikan.

4. Bagi urusan tuntutan semula bayaran tersebut, pihak yang menuntut perlu mengemukakan slip tuntutan yang dilampirkan beserta resit asal kepada Unit Pembangunan Sumber Manusia (UPSM). UPSM seterusnya akan mengeluarkan arahan bayaran kepada pihak Unit Kewangan dan Akaun (UKA). Pihak UKA akan membuat bayaran melalui EFT ke dalam akaun pihak yang menuntut. Dilampirkan bersama adalah surat edaran daripada KKM untuk maklumat dan rujukan tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF"


(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)

s.k Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian

SLIP TUNTUTAN BAYARAN BALIK RAWATAN DI FASILITI KKM

Nama Anggota :

No. K/P :

No Gaji :

Unit/Bahagian :

No. Telefon :

No Resit :

SLIP TUNTUTAN BAYARAN BALIK RAWATAN DI FASILITI KKM

Nama Anggota :

No. K/P :

No Gaji :

Unit/Bahagian :

No. Telefon :

No Resit :

SLIP TUNTUTAN BAYARAN BALIK RAWATAN DI FASILITI KKM

Nama Anggota :

No. K/P :

No Gaji :

Unit/Bahagian :

No. Telefon :

No Resit :

SLIP TUNTUTAN BAYARAN BALIK RAWATAN DI FASILITI KKM

Nama Anggota :

No. K/P :

No Gaji :

Unit/Bahagian :

No. Telefon :

No Resit :